

Pelan Tindakan Amalan Baik Peraturan (GRP)

Mencapai
**matlamat
produktiviti
negara**



Hak Cipta dan Penerbitan

Tajuk:

Hak Cipta © 2025 Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Laman web: www.mpc.gov.my

E-mel: info@mpc.gov.my

Semua hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem simpanan semula atau dipindahkan dalam apa-apa bentuk atau dengan apa-apa cara — elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya – tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit, kecuali bagi tujuan pendidikan, latihan atau penggunaan rasmi kerajaan.

ISBN: 978-967-XXXX-XX-X

Edisi: Pertama

Tahun Terbit: 2025

Versi: Buku Panduan PDF Interaktif

Hak Milik Terjemahan: Teks asal dalam Bahasa Melayu Malaysia. Sebarang terjemahan ke bahasa lain memerlukan kebenaran bertulis MPC. Penafian: Dengan setiap penelitian yang telah diambil dalam penyediaan dokumen ini, MPC tidak akan bertanggungjawab dengan sebarang maklumat yang tidak tepat. Semua informasi dan spesifikasi adalah tertakluk kepada sebarang perubahan dari semasa ke semasa.

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

MPC adalah agensi di bawah Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) yang ditubuhkan bagi merancang, menyelaraskan dan melaksanakan dasar peningkatan produktiviti negara. Sejak penubuhannya pada tahun 1962 (dahulunya dikenali sebagai Pusat Daya Pengeluaran Negara), MPC berperanan sebagai peneraju dalam mempercepat pertumbuhan produktiviti negara. Sebagai organisasi yang memfokuskan kepada penyampaian berasaskan impak, MPC menggabungkan pendekatan analitik, pemudahcara perubahan dan teknologi digital bagi menyokong pertumbuhan firma dan pengurangan beban peraturan perniagaan yang tidak wajar.

Kata Aluan

Dalam usaha Malaysia ke arah menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi dan berdaya saing, pelaksanaan Amalan Baik Peraturan menjadi pemangkin utama dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Kerangka peraturan yang telus, efektif dan mesra perniagaan amat mustahak untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan, inovasi dan peningkatan produktiviti.

Buku Panduan Amalan Baik Peraturan ini menyediakan panduan strategik kepada pembuat dasar, pengawal selia dan pegawai kerajaan bagi memastikan setiap peraturan yang digubal mencapai keseimbangan optimum antara perlindungan awam dan kecekapan operasi. Pendekatan berasaskan bukti dalam pembentukan, pelaksanaan dan semakan peraturan akan memacu produktiviti negara ke tahap lebih tinggi.

Sebagai peneraju utama dalam agenda produktiviti negara, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) bertekad untuk memastikan pelaksanaan Amalan Baik Peraturan di semua peringkat. Inisiatif ini merupakan langkah penting ke arah kerangka peraturan yang bukan sahaja menyokong pertumbuhan ekonomi, malah memperkukuh daya saing global Malaysia.

Datuk Zahid bin Ismail

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

KANDUNGAN

Kata Aluan.....	3
SEKSYEN A: ASAS AMALAN BAIK PERATURAN (GRP)	8
A.1 Pengenalan kepada Panduan Ini.....	8
A.2 Apakah itu Amalan Baik Peraturan (GRP)?	8
2.1 Produktiviti dan Peraturan	9
2.2 Sejarah & Evolusi GRP di Malaysia.....	9
2.3 GRP Membuka Potensi Sektor Swasta	11
A.3 Komitmen GRP Antarabangsa	13
SEKSYEN B: ELEMEN GRP & CARA PELAKSANAANNYA.....	14
B.4 Analisis Impak Peraturan (RIA)	16
4.1 Objektif RIA.....	16
4.2 Komponen Utama RIA.....	17
4.3 Proses Pelaksanaan RIA.....	18
4.4 Cabaran Pelaksanaan RIA	18
4.5 Peranan MPC dalam Menyokong RIA	19
4.6 Kesimpulan.....	19
B.5 Rundingan Awam	20
5.1 Tujuan Rundingan Awam	20
5.2 Prinsip-Prinsip Pelaksanaan Rundingan.....	21
5.3 Kaedah dan Saluran Rundingan.....	21
5.4 Langkah-Langkah Pelaksanaan Rundingan	22
5.5 Tempoh Rundingan dan Pengurusan Jangkaan.....	22
5.6 Penilaian Maklum Balas dan Pelaporan	23
5.7 Peranan MPC dalam Memperkukuh Rundingan Awam.....	23
5.8 Kesimpulan.....	23
B.6 Ketelusan & Perancangan Awal	24
6.1 Maksud Ketelusan dalam Konteks GRP	24
6.2 Perancangan Awal dan Senarai Peraturan Tahunan.....	25

6.3 Mekanisme Pelaksanaan Ketelusan & Perancangan Awal	25
6.4 Contoh Pelaksanaan di Malaysia.....	25
6.5 Peranan MPC dalam Menyokong Ketelusan & Perancangan Awal	26
6.6 Cabaran dan Penyelesaian	26
6.7 Kesimpulan.....	26
B.7 Penyelarasan Antara Agensi	27
7.1 Kepentingan Penyelarasan Dasar	27
7.2 Mekanisme Penyelarasan yang Dicadangkan	28
7.3 Peranan Penyelarasan Peraturan GRP di Kementerian	28
7.4 Integrasi dalam Proses Pembangunan Dasar	28
7.5 Cabaran dan Halangan.....	29
7.6 Peranan MPC dalam Menyokong Penyelarasan	29
7.7 Kesimpulan.....	29
B.8 Kajian Semula dan Penilaian Peraturan	30
8.1 Tujuan Kajian Semula Peraturan	30
8.2 Jenis Kajian Semula	31
8.3 Pendekatan dan Kaedah Penilaian.....	31
8.4 Pelaksanaan Kajian Semula di Peringkat Kementerian	32
8.5 Integrasi dengan Dasar Produktiviti dan Inovasi.....	32
8.6 Peranan MPC dalam Menyokong Kajian Semula	32
8.7 Cabaran Pelaksanaan dan Penyelesaian	33
8.8 Kesimpulan.....	33
B.9 Penggunaan Bahasa Mudah dan Jelas	34
9.1 Mengapa Bahasa Mudah Penting dalam Peraturan?	34
9.2 Prinsip Penulisan Bahasa Mudah	34
9.3 Penilaian Kebolehbacaan dan Ujian Pengguna.....	34
9.4 Integrasi dalam Proses Penggubalan Peraturan	35
9.5 Tanggungjawab Pelbagai Pihak	35
9.6 Peranan MPC dalam Memperkasakan Bahasa Mudah	36
9.7 Cabaran dan Langkah Penyelesaian.....	36

9.8 Kesimpulan.....	36
B.10 Penjajaran dan Kerjasama Antarabangsa	37
10.1 Kepentingan Penjajaran Antarabangsa	37
10.2 Strategi Penjajaran Antarabangsa	37
10.3 Kerjasama Teknikal dan Dialog Dasar.....	38
10.4 Rujukan kepada Komitmen CPTPP	38
10.5 Peranan Agensi Nasional dan MPC	38
10.6 Contoh Penjajaran yang Berjaya	38
10.7 Cabaran dan Penyelesaian.....	39
10.8 Kesimpulan	39
SEKSYEN C: TADBIR URUS, SOKONGAN & PEMATUHAN GRP	40
C.1 Struktur Tadbir Urus GRP di MPC.....	40
C.2 Peranan Penyelaras dan pengelola GRP Kementerian.....	42
C.3 Peranan MPC sebagai Agensi Penyelarasan.....	42
C.4 Mekanisme Pematuhan dan Pemantauan.....	43
C.5 Sistem Pelaporan dan Pemarkahan GRP	43
C.6 Pemantapan Kapasiti dan Latihan.....	43
C.7 Cabaran Pelaksanaan dan Strategi Penyelesaian	44
C.8 Kesimpulan.....	44
SEKSYEN D: ALAT PELAKSANAAN.....	45
D.1 Templat Penilaian Impak Pengawalseliaan (RIA).....	45
D.2 Panduan Rundingan Awam dan Libat Urus.....	46
D.3 Pelan Peraturan Tahunan	46
D.4 Sistem MyGRP	46
D.5 Garis Panduan Bahasa Mudah	47
D.6 Templat Penilaian Semula Peraturan	47
D.7 Panduan dan Latihan	47
Kesimpulan	48
SEKSYEN E: PELAN PELAKSANAAN	49
E.1 Objektif Pelaksanaan GRP	49

E.2 Prinsip Panduan Pelaksanaan.....	49
E.3 Fasa Pengukuhan dan Penyeragaman GRP Malaysia	50
E.4 Peranan dan Tanggungjawab.....	50
E.5 Jadual Pelaksanaan Tahunan (Contoh)	51
E.6 Mekanisme Pemantauan dan Penilaian	51
E.7 Risiko dan Strategi Mitigasi	52
Kesimpulan	52
LAMPIRAN	53

SEKSYEN A: ASAS AMALAN BAIK PERATURAN (GRP)

A.1 Pengenalan kepada Panduan Ini

Panduan ini disediakan untuk membantu pegawai-pegawai MPC dalam memberikan bimbingan kepada kementerian dan agensi kerajaan berkaitan pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (Good Regulatory Practice, GRP). GRP adalah satu pendekatan berstruktur dalam perancangan, pembangunan dan semakan dasar serta peraturan, yang bertujuan meningkatkan keberkesanan dasar awam, mengurangkan beban pentadbiran dan memperkukuh kepercayaan rakyat serta pelabur.

Malaysia sebagai negara ahli CPTPP telah membuat komitmen untuk melaksanakan prinsip-prinsip GRP yang digariskan dalam perjanjian tersebut. MPC memainkan peranan penting sebagai penyelarass kebangsaan dalam memastikan prinsip-prinsip ini diterjemah secara praktikal oleh semua pihak berkepentingan.

A.2 Apakah itu Amalan Baik Peraturan (GRP)?

GRP merupakan satu set prinsip dan proses yang menyokong pembangunan dasar dan peraturan yang telus, inklusif dan berasaskan bukti. Ia melibatkan pelbagai elemen penting yang saling melengkapi:

- Penilaian Impak Peraturan (RIA): Analisis menyeluruh terhadap keperluan dan impak sesuatu peraturan.
- Rundingan Awam: Proses mendapatkan maklum balas daripada pihak berkepentingan secara terbuka dan telus.
- Ketelusan & Perancangan Awal: Penyediaan maklumat awal tentang cadangan peraturan dan pelan tahunan.
- Penyelarasan Antara Agensi: Kerjasama dalaman kerajaan untuk mengelak pertindihan dan konflik dasar.
- Kajian Semula Peraturan: Penilaian berkala untuk memastikan peraturan kekal relevan dan berkesan.
- Bahasa Mudah & Aksesibiliti: Menggalakkan pematuhan melalui peraturan yang jelas dan mudah difahami.

Dengan mengamalkan GRP, kerajaan dapat menggubal peraturan yang bukan sahaja berkualiti tinggi, tetapi juga menepati keperluan rakyat dan komuniti perniagaan.

2.1 Produktiviti dan Peraturan

Peraturan yang dirangka dengan baik boleh menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi dan peningkatan produktiviti negara. Sebaliknya, peraturan yang lemah, bertindih, atau sukar difahami boleh menambah kos kepada perniagaan, memperlahankan inovasi, dan menyukarkan penyampaian perkhidmatan awam.

GRP menyokong produktiviti dengan memastikan hanya peraturan yang benar-benar perlu dan berkesan dilaksanakan. Melalui pendekatan seperti RIA dan semakan berkala, pihak berkuasa boleh mengenal pasti peraturan yang menghalang pelaburan, mengurangkan daya saing atau tidak lagi relevan dalam konteks semasa. Di samping itu, GRP menggalakkan pendekatan berasaskan hasil (*outcome-based regulation*) yang memberi ruang kepada penyelesaian inovatif tanpa mengkompromikan objektif dasar.

MPC sebagai agensi peneraju produktiviti negara memainkan peranan penting dalam menjajarkan amalan GRP dengan agenda produktiviti nasional. Ini termasuk memastikan bahawa impak ekonomi dan kecekapan kos menjadi komponen utama dalam proses pengubalan peraturan.

2.2 Sejarah & Evolusi GRP di Malaysia

Malaysia telah memulakan perjalanan reformasi pengawalseliaan sejak lebih daripada 15 tahun yang lalu. Langkah ini bertujuan membina persekitaran peraturan yang kondusif untuk pembangunan ekonomi, produktiviti nasional, dan kesejahteraan rakyat. Sejak awal pelaksanaan GRP di peringkat Persekutuan, inisiatif ini telah berkembang ke peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT), mewujudkan kantung kecemerlangan namun masih terdapat ruang penambahbaikan dan penyelarasan secara menyeluruh.

i. 2007–2015: Asas Reformasi melalui PEMUDAH

Reformasi peraturan bermula secara sistematik di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK9) menerusi penubuhan PEMUDAH — Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan — pada tahun 2007. Disokong oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), PEMUDAH memfokuskan kepada pengurangan kerenah birokrasi, peningkatan kedudukan Malaysia dalam penarafan Doing Business Bank Dunia, serta mewujudkan kerjasama antara sektor awam dan swasta melalui Working Groups sektoral.

Antara pencapaian awal termasuklah penyederhanaan proses pelesenan perniagaan dan pelaksanaan inisiatif pemudahcara digital. Malaysia berjaya

mencapai peningkatan dalam ranking Doing Business — daripada kedudukan ke-23 (2007) kepada ke-12 (2020).

ii. ***2011–2015: Pengukuhan Sistem Pengurusan Peraturan***

Di bawah RMK10, MPC diberi mandat untuk memperkukuh sistem pengurusan peraturan negara. Tumpuan diberikan kepada penilaian impak ekonomi bagi peraturan baharu dan penstrukturan semula peraturan sedia ada yang membebankan. Melalui Program Pemodenan Peraturan Perniagaan dan penyelarasan dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP), banyak lesen dan garis panduan disusun semula berdasarkan Bidang Keberhasilan Utama Ekonomi (National Key Economic Areas - NKEA).

iii. ***2017–2020: Pelancaran Malaysia Productivity Blueprint (MPB)***

MPB dilancarkan pada 2017 di bawah RMK11 sebagai strategi nasional untuk merangsang produktiviti secara menyeluruh. GRP dikenalpasti sebagai teras pemboleh (enabler) untuk menyokong sektor swasta dan mempercepatkan pertumbuhan ekonomi. Inisiatif ini merangkumi pengukuhan keupayaan pelaksana dasar dan integrasi GRP dalam pelbagai sektor termasuk perkhidmatan, pembinaan dan perkilangan.

iv. ***2021–2025: Memperluas Skop GRP di bawah RMK12***

RMK12 memberi penekanan kepada reformasi peraturan sebagai pemacu utama daya saing negara. Melalui inisiatif seperti Reformasi Kerenah Birokrasi (RKB), Behavioural Insights (BI), dan MyMudah, GRP mula diterapkan dalam pelbagai konteks dasar, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan PBT. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk memansuhkan peraturan lapuk, mempercepatkan proses kelulusan, dan menyesuaikan reka bentuk peraturan kepada keperluan pengguna dan industri.

Pada tahun 2021, Pekeliling Dasar Nasional mengenai Amalan Baik Peraturan (GRP) telah diperkenalkan sebagai kesinambungan kepada Dasar NPDIR. Ia mengembangkan skop Penilaian Impak Peraturan (RIA) bukan sahaja kepada impak perniagaan, malah juga terhadap kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar.

v. ***Menjelang RMK13: Ke Arah Pembudayaan Menyeluruh***

Menjelang RMK13, GRP dijangka memainkan peranan lebih penting sebagai prasyarat tadbir urus dasar yang moden. Fokus diberikan kepada penyeragaman pelaksanaan di semua kementerian, agensi dan kerajaan negeri serta pelaporan prestasi melalui sistem MyGRP. Kementerian dan agensi akan dinilai melalui Scorecard GRP manakala peranan MPC sebagai penyelaras nasional akan diperkukuhkan untuk menyokong advokasi dan pematuhan lintas sektor.

Pelaksanaan GRP masa depan dijangka menjadi lebih bersifat 'whole-of-government', dengan GRP diterapkan dalam proses dasar, bajet, perancangan strategik, dan agenda pemodenan perkhidmatan awam secara keseluruhan.

2.3 GRP Membuka Potensi Sektor Swasta

Pertumbuhan ekonomi yang mampan, terutamanya dengan kadar sekurang-kurangnya 5% setahun per kapita, adalah landasan utama bagi sesebuah negara untuk keluar daripada perangkap pendapatan sederhana dan mencapai status negara berpendapatan tinggi. Pertumbuhan ini mewujudkan peluang transformatif: mencipta pekerjaan yang berkualiti, membolehkan pengembangan perniagaan, dan menyediakan sumber untuk pembiayaan perkhidmatan awam utama. Amalan Baik Peraturan (GRP) memainkan peranan penting dalam membina persekitaran perniagaan yang kondusif untuk pertumbuhan ini.

Untuk mencapai matlamat ini, penggerak utama ekonomi iaitu sektor swasta yang dinamik perlu diaktifkan sepenuhnya. Di seluruh dunia, sektor swasta bertanggungjawab ke atas lebih 90% pekerjaan, lebih 70% KDNK, lebih 75% daripada jumlah pelaburan, dan hampir 80% hasil kerajaan. Namun, sumbangan besar ini hanya dapat direalisasikan jika persekitaran perniagaan kondusif dan peraturan tidak membebankan serta tidak menghalang pertumbuhan dan inovasi sektor swasta. Dalam konteks ini, GRP menyediakan kerangka bagi pengawal selia untuk mereka bentuk dan melaksanakan dasar kawal selia secara bijak, adil dan mesra pelabur.

Peraturan Sebagai Pemangkin Pertumbuhan

Rangka kerja peraturan bukan sekadar satu sistem kawalan. Ia adalah penentu sama ada perniagaan akan berkembang pesat atau tersekat. Peranan pengawalseliaan kini bukan hanya untuk mengawal, tetapi juga untuk membentuk persekitaran perniagaan kondusif yang membolehkan syarikat berjaya.

Menghapuskan halangan seperti keperluan pelesenan yang rumit, perubahan dasar yang sukar dijangka, dan beban pematuhan yang berulang boleh meningkatkan keupayaan firma untuk melabur, berinovasi, dan menjaga pekerja. Dalam masa yang sama, memperkenalkan pemudah cara seperti perkhidmatan digital, peraturan berasaskan risiko, dan proses kelulusan yang cekap akan meningkatkan produktiviti dan persaingan sihat.

Peraturan yang berkualiti tinggi yakni jelas, cekap, boleh diramal, dan seimbang mampu mengubah landskap ekonomi. Ia menjadikan perniagaan bukan lagi sekadar bertahan, tetapi berkembang maju sebagai pemacu utama kemakmuran negara.

Pelaksanaan yang Konsisten Menentukan Keberkesanan

Walaupun peraturan dirangka dengan baik, keberkesananannya bergantung kepada pelaksanaan yang konsisten di semua peringkat. Kejayaan dasar bukan hanya pada kandungan, tetapi pada sejauh mana ia difahami, diterima, dan diamalkan secara seragam oleh semua pihak sama ada syarikat besar, perusahaan mikro, atau pelabur asing.

Transformasi digital perlu menjadi keutamaan utama. Ia harus menggantikan proses manual dan berasaskan kertas dengan sistem dalam talian yang mesra pengguna, bersepadu, dan telus untuk urusan seperti permohonan permit, pendaftaran perniagaan dan pematuhan cukai.

Keberhasilan juga perlu diukur secara nyata melalui pengurangan masa dan kos pematuhan, peningkatan jumlah perniagaan baharu yang ditubuhkan, atau tahap kepuasan pengguna terhadap agensi kawal selia. Ini memerlukan penglibatan berterusan dengan pihak industri bagi memastikan pendekatan yang dilaksanakan benar-benar menangani cabaran sebenar di lapangan.

Pengawal Selia Sebagai Pemangkin Produktiviti

Dalam landskap ekonomi moden, pengawal selia perlu menjadi pemangkin pertumbuhan serta produktiviti dan bukanlah sekadar penguatkuasa dasar semata. Pengawal selia mencorakkan ekosistem peraturan yang kondusif yang membolehkan syarikat beroperasi secara cekap, berkembang dengan yakin serta bersaing secara adil. Melalui pendekatan ini, pengawal selia menjadi pemacu strategik dalam membina ekonomi yang mampan, inklusif dan berdaya saing.

Oleh itu, GRP bukanlah sekadar alat teknikal atau keperluan pematuhan kepada perjanjian antarabangsa seperti CPTPP atau ACAFTA. Sebaliknya, ia adalah prasyarat asas untuk mencetuskan pertumbuhan sektor swasta, menggalakkan inovasi, dan memacu produktiviti kebangsaan yang lebih tinggi.

A.3 Komitmen GRP Antarabangsa

CPTPP mengandungi bab khusus yang menekankan amalan GRP sebagai elemen penting dalam tadbir urus perdagangan dan pelaburan. Malaysia sebagai negara pihak kepada perjanjian ini perlu melaksanakan beberapa keperluan utama:

- Menjalankan RIA bagi peraturan berkepentingan tinggi.
- Menyediakan ruang konsultasi awam dan mempertimbangkan maklum balas.
- Mempublikasikan draf peraturan, penilaian impak dan pelan tahunan.
- Menyemak peraturan secara berkala untuk penambahbaikan.
- Menubuhkan mekanisme penyelarasan dalaman dan pelaporan kemajuan.

Peranan MPC adalah untuk membantu kementerian dan agensi menterjemahkan komitmen ini ke dalam pelaksanaan harian, termasuk menyediakan latihan, garis panduan serta platform pelaporan dan pemantauan.

SEKSYEN B: ELEMEN GRP & CARA PELAKSANAANNYA

GRP merupakan suatu sistem yang menyeluruh dan bersifat kitaran—merangkumi perancangan dasar awal sehingga semakan semula peraturan sedia ada. Sistem ini memastikan bahawa dasar dan peraturan dirangka secara telus, adil, berasaskan bukti, serta mampu memberikan impak maksimum kepada masyarakat dan ekonomi.

Bagi Malaysia, elemen utama GRP berlandaskan komitmen negara di bawah dua perjanjian perdagangan bebas utama:

1. Comprehensive and Progressive Agreement for Trans-Pacific Partnership (CPTPP)
2. ASEAN-Canada Free Trade Agreement (ACAFTA)

Kedua-dua perjanjian ini menetapkan keperluan pelaksanaan amalan GRP yang wajib dipatuhi oleh negara anggota. Oleh itu, elemen-elemen ini bukan sahaja bersifat teknikal atau domestik, malah mencerminkan tanggungjawab antarabangsa yang perlu dipenuhi.

10 elemen utama GRP Malaysia telah dipilih berdasarkan komitmen antarabangsa tersebut, seterusnya dikategorikan mengikut kitaran dasar:

1. Perancangan
2. Reka Bentuk
3. Pentadbiran dan Penguatkuasaan

Matriks Pelaksanaan GRP Malaysia untuk Meningkatkan Produktiviti

A. Perancangan	B. Reka Bentuk	C. Pentadbiran dan Penguatkuasaan
1. Pelan Peraturan Membina pelan pengawalseliaan tahunan agar dasar lebih tersusun dan boleh diramal.	4. Rundingan Awam Melibatkan pihak berkepentingan dalam reka bentuk dasar secara lebih terbuka dan inklusif	8. Analisis Peraturan Sedia Ada Menilai keberkesanan dan kesesuaian peraturan yang telah dikuatkuasakan untuk mengurangkan beban peraturan tidak wajar
2. Ketelusan dan Penerbitan Awal Menjamin keterbukaan kepada pihak awam tentang niat dasar atau peraturan baharu.	5. Analisis Impak Peraturan (RIA) Menilai kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar sesuatu peraturan secara sistematik.	9. Prosedur Pentadbiran Memastikan pelaksanaan tindakan pentadbiran yang adil, telus dan mematuhi peruntukan undang-undang melalui prosedur yang sistematik.
3. Koordinasi Antara Agensi Mengelak pertindihan atau percanggahan antara Kementerian dan agensi kerajaan	6. Bahasa Mudah Memastikan peraturan difahami semua peringkat pengguna termasuk sektor awam, sektor swasta dan rakyat.	10. Semakan dan Rayuan Memastikan tindakan pentadbiran boleh disemak semula dan dirayu bagi menjamin ketelusan, keadilan, dan kepatuhan kepada undang-undang.
	7. Penjajaran Antarabangsa Selaras dengan standard antarabangsa atau komitmen FTA.	

Petunjuk



Keperluan Sedia Ada (Inisiatif yang memerlukan penambahbaikan)



Keperluan Baharu (Inisiatif untuk dibangunkan)

B.4 Analisis Impak Peraturan (RIA)

Analisis Impak Peraturan (RIA) merupakan satu alat analitikal yang penting dalam memastikan sesuatu peraturan yang dirancang benar-benar perlu, berkesan, dan memberikan manfaat yang lebih tinggi berbanding kosnya. RIA digunakan untuk menilai pilihan dasar yang berbeza dan menentukan pendekatan terbaik dalam menangani sesuatu masalah awam. Pelaksanaan RIA yang sistematik juga menggalakkan ketelusan, akauntabiliti, serta penyertaan awam dalam proses pengawalseliaan.

Dalam konteks CPTPP, RIA adalah antara komponen teras GRP yang telah dipersetujui oleh Malaysia. Kedua-dua perjanjian ini mengesyorkan pelaksanaan RIA ke atas semua cadangan peraturan yang berimpak besar. Malaysia juga telah menyatakan komitmen melalui dasar MyGRP untuk menjadikan RIA sebagai komponen wajib bagi penggubalan dasar dan peraturan di peringkat persekutuan.

4.1 Objektif RIA

- Menyediakan asas yang kukuh untuk membuat keputusan dasar berdasarkan bukti.
- Menilai kesesuaian pelbagai pilihan dasar termasuk pendekatan bukan pengawalseliaan.
- Mengurangkan risiko penggubalan peraturan yang tidak perlu, membebankan atau tidak berkesan.
- Meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber kerajaan dan pematuhan oleh pengguna.
- Memperkasakan penyertaan awam melalui penyediaan maklumat yang jelas dan objektif

4.2 Komponen Utama RIA

RIA yang komprehensif hendaklah merangkumi komponen-komponen berikut:

1. Penyataan masalah:

- Menjelaskan secara jelas apakah isu atau masalah yang hendak ditangani oleh peraturan yang dicadangkan.

2. Objektif dasar:

- Menyatakan matlamat yang ingin dicapai oleh peraturan tersebut.

3. Pilihan dasar:

- Menyenaraikan pilihan-pilihan yang ada, termasuk pilihan 'tanpa tindakan' dan alternatif bukan peraturan.

4. Analisis impak:

- Menilai kesan ekonomi, sosial dan alam sekitar setiap pilihan dasar secara kuantitatif dan/atau kualitatif.

5. Perbandingan kos dan faedah:

- Mengenal pasti pilihan yang memberikan faedah bersih paling tinggi berbanding kos pelaksanaannya.

6. Konsultasi dan Perundingan awam:

- Memasukkan pandangan pihak berkepentingan dalam proses membuat keputusan.

7. Rancangan pelaksanaan dan pemantauan:

- Menjelaskan bagaimana peraturan akan dikuatkuasakan dan disemak semula.

4.3 Proses Pelaksanaan RIA

Langkah-langkah lazim dalam pelaksanaan RIA adalah seperti berikut:

1. Tapisan Awal (Screening):

- Menentukan sama ada RIA penuh diperlukan berdasarkan kriteria seperti nilai impak ekonomi, bilangan populasi terkesan atau sensitiviti dasar.

2. Penyediaan RIA:

- Penyediaan draf RIA oleh kementerian yang bertanggungjawab dengan sokongan teknikal daripada MPC.

3. Semakan dan Penambahbaikan:

- RIA disemak oleh badan penyelarar GRP (contohnya, MPC) untuk memastikan kualiti, konsistensi dan kepatuhan kepada garis panduan.

4. Penglibatan Awam:

- Draft RIA boleh diterbitkan bersama draf peraturan untuk tujuan konsultasi awam.

5. Laporan Akhir:

- RIA dimuktamadkan dengan mengambil kira maklum balas dan dinyatakan secara telus dalam dokumen rasmi.

4.4 Cabaran Pelaksanaan RIA

Antara cabaran yang sering dihadapi dalam pelaksanaan RIA termasuk:

- Kekangan masa dan sumber manusia di kementerian.
- Kekurangan data atau maklumat yang sahih.
- Tahap kefahaman teknikal yang tidak seimbang antara agensi.
Kurangnya penyelarasan antara unit penggubal dasar dan bahagian undang-undang.
Kekangan budaya organisasi yang kurang terbuka kepada semakan atau penyertaan awam.

4.5 Peranan MPC dalam Menyokong RIA

Sebagai agensi penyelaras GRP kebangsaan, MPC bertanggungjawab untuk:

- Menyediakan garis panduan, templat dan latihan RIA.
- Menjalankan audit kualiti RIA secara berkala.
- Menyokong kementerian melalui sesi bimbingan teknikal.
- Menyediakan sistem pemantauan dan pelaporan RIA.
- Menggalakkan perkongsian amalan terbaik dan inovasi dalam pelaksanaan RIA.

4.6 Kesimpulan

RIA bukan sekadar alat analisis, tetapi merupakan komitmen terhadap tadbir urus yang lebih baik. Dengan melaksanakan RIA secara konsisten, kerajaan Malaysia dapat memastikan setiap peraturan yang digubal menyumbang kepada matlamat pembangunan negara, menyokong produktiviti, serta melindungi kepentingan rakyat secara seimbang dan berkesan.

B.5 Rundingan Awam

Rundingan awam atau konsultasi merupakan salah satu prinsip utama dalam pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP). Ia merujuk kepada proses penglibatan secara sistematik antara kerajaan dan pihak berkepentingan untuk mendapatkan pandangan, maklum balas dan cadangan terhadap sesuatu dasar atau peraturan yang dicadangkan. Rundingan awam membantu memastikan bahawa dasar yang digubal adalah inklusif, relevan, dan dapat dilaksanakan secara berkesan.

Dalam konteks CPTPP, rundingan awam merupakan syarat penting yang perlu dipenuhi oleh negara ahli dalam penggubalan peraturan. Kedua-dua perjanjian ini menekankan keperluan untuk menyediakan peluang yang adil dan terbuka kepada semua pihak berkepentingan untuk memberikan maklum balas terhadap cadangan peraturan, serta memberi jaminan bahawa pandangan tersebut akan dipertimbangkan secara telus.

5.1 Tujuan Rundingan Awam

Antara tujuan utama pelaksanaan rundingan awam ialah:

- Meningkatkan kualiti dasar melalui pelbagai perspektif dan pengalaman praktikal.
- Menyokong proses membuat keputusan yang lebih terbuka dan demokratik.
- Menyediakan ruang untuk mengurangkan konflik atau penolakan semasa pelaksanaan dasar.
- Memberi peluang kepada pihak industri, masyarakat sivil dan individu untuk menyuarakan kebimbangan atau cadangan mereka.
- Membina kepercayaan awam terhadap ketelusan dan akauntabiliti proses dasar kerajaan.

5.2 Prinsip-Prinsip Pelaksanaan Rundingan

Pelaksanaan rundingan awam perlu mematuhi prinsip-prinsip berikut:

- Akses: Semua pihak berkepentingan harus mempunyai peluang untuk mengambil bahagian.
- Ketelusan: Objektif, kandungan dasar dan proses konsultasi mesti dijelaskan secara terbuka.
- Responsif: Maklum balas yang diterima hendaklah diberi perhatian dan digunakan dalam penambahbaikan dasar.
- Tepat Masa: Proses rundingan perlu dijalankan pada peringkat awal pembangunan dasar.
- Keterangkuman: Kaedah rundingan harus mesra pelbagai kumpulan termasuk komuniti terpinggir dan PKS.

5.3 Kaedah dan Saluran Rundingan

Kerajaan boleh memilih pelbagai kaedah untuk melaksanakan rundingan awam bergantung kepada jenis dan skop dasar:

- Portal rundingan dalam talian seperti Unified Public Consultation Portal (UPC).
- Penerbitan draf dasar/peraturan untuk ulasan awam.
- Kaji selidik awam secara digital atau bercetak.
- Bengkel dan forum meja bulat bersama industri dan NGO.
- Sesi townhall di peringkat akar umbi.
- Penglibatan terus melalui surat jemputan kepada pihak berkepentingan strategik.

5.4 Langkah-Langkah Pelaksanaan Rundingan

Langkah-langkah pelaksanaan rundingan awam secara amnya merangkumi:

- i. Penyediaan dokumen rundingan seperti latar belakang dasar, objektif, draf peraturan dan soalan panduan.
- ii. Penyebaran maklumat melalui laman web rasmi dan media sosial.
- iii. Menyediakan tempoh masa rundingan – disyorkan sekurang-kurangnya 30 hari (atau 60 hari bagi peraturan utama).
- iv. Mengumpul dan merekod semua maklum balas yang diterima.
- v. Menganalisis kandungan maklum balas dan menyusun laporan isu utama.
- vi. Memutuskan perubahan yang akan dibuat berdasarkan maklum balas.
- vii. Mempublikasikan laporan hasil rundingan bagi menunjukkan ketelusan.

5.5 Tempoh Rundingan dan Pengurusan Jangkaan

Tempoh rundingan yang ideal adalah antara 30 hingga 60 hari, bergantung kepada kerumitan dasar dan kepentingannya. Tempoh ini membolehkan pihak berkepentingan mempunyai masa yang mencukupi untuk memahami kandungan dan memberikan respons bermakna. Selain itu, kementerian atau agensi perlu memberi gambaran yang jelas tentang bagaimana maklum balas akan digunakan dan bila keputusan akan dimuktamadkan.

5.6 Penilaian Maklum Balas dan Pelaporan

Setiap maklum balas yang diterima perlu dinilai secara objektif dan dianalisis untuk mengenal pasti:

- Isu utama yang dikemukakan oleh pelbagai pihak.
- Tema atau kebimbangan yang berulang.
- Cadangan praktikal yang boleh dilaksanakan.

Kementerian perlu menyediakan laporan hasil rundingan awam yang menerangkan input diterima dan justifikasi terhadap tindakan yang diambil. Ini boleh meningkatkan kepercayaan terhadap proses rundingan dan memperkukuh legitimasi dasar yang digubal.

5.7 Peranan MPC dalam Memperkukuh Rundingan Awam

MPC memainkan peranan penting dalam menyokong pelaksanaan rundingan awam melalui:

- Menyediakan garis panduan dan latihan kepada kementerian.
- Menyelia dan menilai kualiti pelaksanaan rundingan.
- Menyediakan platform digital seperti UPC.
- Menjalankan audit proses konsultasi untuk memastikan pematuhan kepada prinsip GRP.
- Menyokong integrasi konsultasi dengan RIA dan proses perancangan awal.

5.8 Kesimpulan

Rundingan awam adalah instrumen penting dalam memastikan dasar yang inklusif, adil dan praktikal. Ia bukan sahaja membantu kerajaan dalam memahami keperluan sebenar rakyat dan industri, malah memberikan peluang kepada semua pihak untuk menjadi sebahagian daripada proses dasar negara. Dengan menginstitusikan rundingan awam sebagai amalan tetap dalam kitaran pembangunan dasar, Malaysia dapat memperkukuh asas tadbir urus yang telus, responsif dan demokratik.

B.6 Ketelusan & Perancangan Awal

Ketelusan dan perancangan awal merupakan elemen penting dalam pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP) yang bertujuan meningkatkan kepercayaan awam, memudahkan penyertaan pihak berkepentingan, dan memberi ruang kepada penyesuaian awal terhadap perubahan dasar. Dengan menyediakan maklumat tentang dasar atau peraturan yang sedang dibangunkan atau bakal digubal, pihak industri, masyarakat sivil dan rakyat amnya dapat membuat persediaan lebih awal, menyesuaikan operasi, dan menyampaikan maklum balas yang bermakna.

Dalam konteks CPTPP, ketelusan dianggap sebagai prasyarat kepada GRP yang efektif. Kedua-dua perjanjian menggesa negara anggota untuk memaklumkan rancangan penggubalan peraturan secara proaktif, menerbitkan maklumat secara terbuka dan memperuntukkan tempoh masa munasabah untuk komen awam. Ini termasuk penyediaan senarai tahunan cadangan peraturan yang bakal diperkenalkan.

6.1 Maksud Ketelusan dalam Konteks GRP

Ketelusan dalam penggubalan dasar merujuk kepada amalan di mana kerajaan menyediakan maklumat berkaitan:

- Draf dasar atau peraturan yang akan diperkenalkan.
- Justifikasi atau objektif dasar.
- Impak yang dijangkakan dan hasil kajian penilaian impak.
- Proses dan garis masa penggubalan.
- Maklum balas atau komen yang telah diterima.
- Keputusan akhir dan rasional perubahan (jika ada).

Ketelusan mewujudkan suasana tadbir urus yang terbuka dan membolehkan rakyat menilai dan memberi input terhadap cadangan kerajaan secara rasional dan berasaskan fakta.

6.2 Perancangan Awal dan Senarai Peraturan Tahunan

Perancangan awal merupakan amalan terbaik dalam penggubalan dasar. Ia melibatkan penyediaan pelan tahunan yang merangkumi senarai peraturan yang dijangka akan diperkenalkan atau dipinda dalam tempoh 12 bulan akan datang. Amalan ini membolehkan:

- Pihak berkepentingan menyesuaikan perancangan operasi dan sumber.
- Kerajaan menjajarkan pembangunan dasar dengan agenda nasional.
- Koordinasi antara agensi dapat ditingkatkan untuk mengelakkan pertindihan.

Senarai ini perlu dikemas kini sekurang-kurangnya setahun sekali dan disediakan secara terbuka di laman sesawang kementerian atau portal pusat seperti MyGRP.

6.3 Mekanisme Pelaksanaan Ketelusan & Perancangan Awal

Beberapa mekanisme yang boleh diguna pakai termasuk:

- Penerbitan draf dasar di portal rasmi agensi.
- Penyediaan dan penerbitan Rancangan Peraturan Tahunan.
- Pautan terbuka kepada laporan penilaian impak (RIA).
- Penyediaan pelan rundingan termasuk jadual konsultasi awam.
- Pelaporan berkala kepada Parlimen atau Jawatankuasa GRP.

6.4 Contoh Pelaksanaan di Malaysia

Beberapa kementerian telah mula melaksanakan amalan ini seperti:

- Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) menerbitkan pelan tindakan tahunan termasuk draf peraturan.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) menyediakan dokumen rundingan awam dengan senarai cadangan pindaan.
- Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) mengemukakan rangka dasar kepada umum sebelum pembentangan kepada kabinet.

Amalan ini perlu diperluaskan ke semua kementerian dan badan berkanun untuk memastikan keberkesanan pelaksanaan GRP secara menyeluruh.

6.5 Peranan MPC dalam Menyokong Ketelusan & Perancangan Awal

MPC boleh memainkan peranan penting melalui:

- Membangunkan templat dan panduan penyediaan pelan peraturan tahunan.
- Menyediakan sistem pemantauan bagi memastikan ketelusan dipatuhi.
- Menyokong kementerian dalam penerbitan maklumat melalui portal digital.
- Memberi latihan dan bimbingan teknikal kepada pegawai dasar.
- Menyelaraskan penerbitan senarai tahunan di peringkat pusat melalui MyGRP.

6.6 Cabaran dan Penyelesaian

Cabaran utama dalam pelaksanaan ketelusan dan perancangan awal termasuk:

- Kebimbangan terhadap sensitiviti maklumat atau dasar politik.
- Kekurangan budaya berkongsi maklumat di peringkat agensi.
- Ketidaksediaan sistem ICT atau platform penerbitan.
- Kekurangan kapasiti pegawai dalam mengendalikan dokumen awam.

Antara langkah penyelesaian:

- Menyediakan dasar berkaitan klasifikasi dan ketelusan maklumat.
- Melatih pegawai dalam penyediaan dokumen untuk khalayak umu
- Menyediakan sokongan teknikal dan peruntukan untuk platform digital.

6.7 Kesimpulan

Ketelusan dan perancangan awal adalah tonggak penting dalam pelaksanaan GRP yang berkualiti. Dengan menyediakan maklumat awal kepada orang awam dan pihak berkepentingan, kerajaan bukan sahaja memperkukuh kepercayaan dan kerjasama, tetapi juga meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dasar. MPC sebagai penyelarasan kebangsaan GRP perlu terus memainkan peranan proaktif dalam membina ekosistem dasar yang terbuka, responsif dan berteraskan bukti.

B.7 Penyelarasan Antara Agensi

Penyelarasan antara agensi merupakan salah satu elemen penting dalam pelaksanaan Amalan Baik Peraturan (GRP) yang bertujuan memastikan keberkesanan dasar awam, mengelakkan pertindihan peraturan, dan meningkatkan kecekapan pentadbiran kerajaan. Dalam konteks pembangunan dasar, kerjasama dan komunikasi antara pelbagai agensi kerajaan sangat penting memandangkan banyak isu dasar bersifat rentas sektor dan melibatkan bidang kuasa pelbagai pihak.

Kedua-dua CPTPP menyarankan penubuhan mekanisme penyelarasan dalaman di peringkat kerajaan pusat bagi memudahkan semakan silang terhadap cadangan peraturan. Langkah ini dapat memastikan bahawa setiap dasar yang digubal bukan sahaja selaras dengan keutamaan kerajaan, tetapi juga tidak mewujudkan beban berganda atau konflik antara kementerian.

7.1 Kepentingan Penyelarasan Dasar

Kepentingan penyelarasan antara agensi dapat diringkaskan seperti berikut:

- Mengelakkan pertindihan dasar dan peraturan.
- Meningkatkan kecekapan penggunaan sumber kerajaan.
- Menyelaraskan pendekatan dalam isu yang bersifat rentas sektor.
- Memastikan konsistensi dan keserasian antara peraturan agensi.
- Menggalakkan pemahaman bersama dan perkongsian maklumat antara kementerian.

7.2 Mekanisme Penyelarasan yang Dicadangkan

Terdapat beberapa mekanisme yang boleh diwujudkan bagi memastikan penyelarasan antara agensi yang berkesan:

- Penubuhan Unit Koordinasi Dasar di bawah Pejabat Ketua Setiausaha Negara.
- Pelantikan Penyelaras Peraturan (Regulatory Coordinator, RC) GRP di setiap kementerian.
- Penubuhan Jawatankuasa Antara Kementerian (Inter-Ministerial Committee) untuk dasar rentas sektor.
- Penggunaan sistem digital seperti MyGRP untuk menyemak dan memberi maklum balas terhadap cadangan peraturan.
- Mesyuarat berkala antara penggubal dasar, pihak undang-undang dan pelaksana dasar.

7.3 Peranan Penyelaras Peraturan GRP di Kementerian

Penyelaras Peraturan GRP adalah pegawai yang dilantik untuk menjadi penghubung antara kementerian dan MPC dalam hal berkaitan pelaksanaan GRP. Peranan mereka termasuk:

- Menyemak draf peraturan yang disediakan oleh kementerian masing-masing.
- Menyediakan input awal kepada dokumen RIA dan pelan rundingan.
- Menghadiri sesi taklimat, latihan dan semakan antara agensi.
- Melaporkan status pelaksanaan GRP kementerian kepada MPC secara berkala.

7.4 Integrasi dalam Proses Pembangunan Dasar

Penyelarasan antara agensi perlu dilaksanakan seawal mungkin dalam proses pembangunan dasar. Ini termasuk:

- Menyemak pelan peraturan tahunan agensi lain.
- Berbincang dalam peringkat reka bentuk dasar mengenai potensi pertindihan.
- Menyediakan draf awal kepada agensi berkaitan untuk input sebelum rundingan awam.
- Mengadakan konsultasi dalaman lintas kementerian.
- Melibatkan pegawai undang-undang, pelaksanaan dan pemantauan dalam pasukan kerja dasar.

7.5 Cabaran dan Halangan

Antara cabaran utama yang dihadapi dalam penyelarasan antara agensi ialah:

- Silo pentadbiran dan kurangnya perkongsian maklumat.
- Kekangan masa dan sumber bagi menyelaraskan pandangan pelbagai agensi.
- Kurangnya platform digital yang menyokong semakan dasar antara agensi.
- Perbezaan keutamaan dasar antara kementerian.

Langkah penyelesaian termasuk:

- Menetapkan mandat penyelarasan dalam pekeliling pentadbiran.
- Menyediakan sistem maklum balas dalaman secara berjadual.
- Mengintegrasikan fungsi koordinasi dalam peringkat reka bentuk dan pelaksanaan dasar.

7.6 Peranan MPC dalam Menyokong Penyelarasan

MPC sebagai agensi penyelarasan GRP kebangsaan mempunyai peranan utama dalam memastikan wujudnya mekanisme penyelarasan yang berfungsi. Peranan ini termasuk:

- Membimbing kementerian dalam menubuhkan Penyelaras dan pengelola GRP.
- Menyediakan garis panduan semakan silang antara agensi.
- Membangunkan sistem semakan digital untuk input antara agensi.
- Menyediakan sesi libat urus berkala antara kementerian.
- Mengumpul dan menganalisis isu pertindihan dasar untuk tindakan penyelarasan.

7.7 Kesimpulan

Penyelarasan antara agensi adalah elemen asas dalam menjamin keberkesanan pelaksanaan dasar dan peraturan negara. Ia bukan sahaja mengelakkan pertindihan dan konflik, malah membolehkan pelaksanaan dasar yang lebih konsisten dan berimpak tinggi. Dengan peranan sokongan yang dimainkan oleh MPC, kerajaan Malaysia dapat membina budaya pengawalseliaan yang lebih holistik, terbuka dan berorientasikan kerjasama.

B.8 Kajian Semula dan Penilaian Peraturan

Kajian semula dan penilaian peraturan adalah elemen penting dalam kitaran dasar yang lengkap. Amalan ini membolehkan kerajaan memastikan bahawa peraturan yang telah dilaksanakan masih relevan, berkesan dan tidak mewujudkan beban yang tidak perlu kepada masyarakat atau perniagaan. Ia juga menyumbang kepada tadbir urus yang lebih baik, meningkatkan kepercayaan terhadap institusi awam, dan menyokong peningkatan produktiviti nasional.

CPTPP kedua-duanya menekankan kepada pelaksanaan semakan semula secara berkala terhadap peraturan sedia ada bagi memastikan bahawa dasar awam mencapai objektif dan efisien serta kekal responsif terhadap perubahan persekitaran sosial, ekonomi dan teknologi. Justeru itu, mekanisme penilaian berstruktur perlu diwujudkan di setiap kementerian dan agensi pelaksana.

8.1 Tujuan Kajian Semula Peraturan

Tujuan utama kajian semula ialah:

- Menilai sama ada peraturan masih memenuhi objektif asalnya.
- Mengenal pasti sebarang kesan negatif yang tidak dijangka.
- Menghapuskan peraturan yang bertindih, lapuk atau tidak berkesan.
- Menambah baik keberkesanan peraturan melalui pengubahsuaian atau pemansuhan.
- Menggalakkan kecekapan pentadbiran dan mengurangkan kos pematuhan.

8.2 Jenis Kajian Semula

Kajian semula peraturan boleh dibahagikan kepada beberapa jenis:

- i. Kajian semula berkala – dilakukan mengikut jadual tetap (contohnya setiap 3 atau 5 tahun).
- ii. Kajian semula tematik – tertumpu kepada kumpulan peraturan tertentu yang berkaitan (contohnya, peraturan berkaitan tenaga atau perniagaan kecil).
- iii. Kajian semula ad hoc – dilaksanakan atas keperluan khas seperti respons kepada krisis atau aduan awam.
- iv. Kajian semula berdasarkan impak – tertumpu kepada peraturan yang mempunyai impak besar ke atas ekonomi, masyarakat atau persekitaran.

8.3 Pendekatan dan Kaedah Penilaian

Antara pendekatan utama yang boleh digunakan dalam kajian semula termasuk:

- Analisis kos dan faedah (Cost-Benefit Analysis).
- Kajian kepuasan pengguna atau pihak berkepentingan.
- Semakan perbandingan dengan peraturan di negara lain.
- Analisis prestasi pelaksanaan (compliance rate, outcome monitoring).
- Temubual, kaji selidik dan kumpulan fokus.

Setiap kajian perlu disesuaikan dengan konteks sektor dan objektif dasar yang berkaitan.

8.4 Pelaksanaan Kajian Semula di Peringkat Kementerian

Setiap kementerian perlu mewujudkan satu pelan pelaksanaan kajian semula peraturan yang mengandungi:

- Senarai peraturan sedia ada mengikut keutamaan semakan.
- Jadual masa semakan dan tarikh tamat kuat kuasa.
- Tanggungjawab pegawai atau bahagian pelaksana.
- Kaedah pelaporan dan dokumentasi hasil semakan.
- Mekanisme melibatkan pihak berkepentingan dalam proses semakan.

8.5 Integrasi dengan Dasar Produktiviti dan Inovasi

Kajian semula juga boleh diguna pakai untuk mengenal pasti peraturan yang menjadi halangan kepada inovasi atau pertumbuhan ekonomi. Melalui pendekatan ini, kerajaan dapat:

- Menilai semula justifikasi peraturan yang membebankan.
- Menggalakkan penggunaan pendekatan berdasarkan hasil atau prestasi (outcome/performance-based).
- Memansuhkan syarat yang tidak relevan kepada teknologi baharu.
- Menyesuaikan peraturan dengan keperluan sektor yang dinamik seperti digital dan hijau.

8.6 Peranan MPC dalam Menyokong Kajian Semula

MPC bertindak sebagai penyelaras dan pembimbing dalam pelaksanaan kajian semula dengan tanggungjawab seperti:

- Menyediakan templat dan garis panduan pelaksanaan semakan.
 - Melatih pegawai kementerian dalam kaedah semakan impak.
 - Membangunkan sistem pelaporan dan pemantauan hasil semakan.
- Menyediakan laporan berkala tentang keberkesanan program semakan peraturan secara nasional.

8.7 Cabaran Pelaksanaan dan Penyelesaian

Cabaran:

- Kekangan sumber manusia dan masa untuk melaksanakan semakan.
- Ketidaktentuan dalam menetapkan keutamaan semakan.
- Kekurangan data berkaitan impak peraturan.
- Kekangan politik atau sensitiviti dasar.

Penyelesaian:

- Menggunakan pendekatan keutamaan berasaskan risiko.
- Menyediakan sumber sokongan teknikal oleh MPC.
- Menetapkan indikator pelaksanaan untuk pemantauan sendiri.
- Melibatkan pihak berkepentingan dari awal proses semakan.

8.8 Kesimpulan

Kajian semula dan penilaian peraturan bukan sahaja merupakan amalan terbaik antarabangsa, tetapi juga satu keperluan dasar bagi memastikan penggubalan peraturan yang adaptif dan efektif. Melalui kajian semula yang sistematik, kerajaan dapat mengenal pasti peluang penambahbaikan, meningkatkan keberkesanan peraturan, dan menyokong pertumbuhan sosioekonomi negara secara berterusan.

B.9 Penggunaan Bahasa Mudah dan Jelas

Penggunaan bahasa yang mudah dan jelas merupakan salah satu prinsip asas dalam Amalan Baik Peraturan (GRP) yang menyumbang kepada kefahaman, pematuhan dan keberkesanan pelaksanaan dasar dan peraturan. Peraturan yang terlalu teknikal, kabur atau sukar difahami akan menyukarkan pengguna, menimbulkan kekeliruan, dan boleh menjejaskan integriti serta kepercayaan terhadap institusi kerajaan.

CPTPP sama-sama menekankan keperluan agar peraturan yang digubal ditulis dalam gaya yang jelas, teratur dan mudah difahami. Ini penting terutamanya dalam peraturan yang memberi kesan langsung kepada rakyat, perniagaan kecil dan pihak industri. Dengan memastikan bahasa peraturan bersifat mesra pengguna, kerajaan dapat mengurangkan beban pematuhan dan mempercepat pelaksanaan dasar secara efektif.

9.1 Mengapa Bahasa Mudah Penting dalam Peraturan?

Penggunaan bahasa mudah dan jelas membawa beberapa manfaat utama:

- Meningkatkan kefahaman terhadap hak dan tanggungjawab pengguna.
- Mengurangkan keperluan untuk penjelasan lanjut atau bantuan guaman.
- Memudahkan pelaksanaan oleh pegawai pelaksana dan agensi penguat kuasa.
- Menyokong ketelusan dan integriti dalam pentadbiran awam.
- Membantu pelaksanaan dasar secara lebih cepat dan menyeluruh.

9.2 Prinsip Penulisan Bahasa Mudah

Antara prinsip asas yang perlu diterapkan dalam penulisan peraturan ialah:

- Gunakan ayat pendek dan struktur tatabahasa yang ringkas.
- Elakkan istilah teknikal melainkan perlu, dan sediakan takrif yang jelas.
- Gunakan susun atur yang logik dan tersusun mengikut turutan tindakan.
- Elakkan penggunaan istilah hukum yang tidak biasa digunakan awam.
- Gunakan senarai bernombor dan poin-poin untuk memperjelas keperluan.
- Sertakan contoh atau ilustrasi di mana sesuai.

9.3 Penilaian Kebolehbacaan dan Ujian Pengguna

Kementerian dan agensi boleh melaksanakan penilaian kebolehbacaan untuk memastikan draf peraturan mudah difahami. Kaedah yang boleh digunakan termasuk:

- Ujian Flesch Reading Ease atau Flesch-Kincaid Grade Level.
- Semakan silang oleh pengguna sasaran (contohnya, komuniti perniagaan, orang awam).
- Sesi semakan pengguna (user testing) bagi menilai persepsi dan pemahaman.
- Penyediaan ringkasan eksekutif yang mesra awam sebagai pelengkap kepada dokumen perundangan.

9.4 Integrasi dalam Proses Penggubalan Peraturan

Penggunaan bahasa mudah perlu dimasukkan sebagai salah satu kriteria semakan dalam proses penggubalan peraturan:

- Dalam semakan awal oleh pegawai dasar.
- Sebagai sebahagian daripada semakan oleh Unit Undang-Undang dan Bahagian Komunikasi Korporat.
- Dalam sesi libat urus dan rundingan awam.
- Dalam penilaian semula peraturan secara berkala.

9.5 Tanggungjawab Pelbagai Pihak

Untuk memastikan kejayaan pelaksanaan prinsip bahasa mudah, beberapa pihak perlu memainkan peranan masing-masing:

- Pegawai dasar: menyediakan draf awal yang mudah difahami.
- Pegawai undang-undang: menyemak struktur ayat agar sejajar dengan kehendak perundangan tetapi kekal jelas.
- Pegawai komunikasi: membantu menyusun dokumen agar mesra pembaca.
- Pegawai pelaksana: memberi maklum balas berasaskan pengalaman lapangan.

9.6 Peranan MPC dalam Memperkasakan Bahasa Mudah

MPC boleh menyokong kementerian dan agensi melalui:

- Menyediakan garis panduan penulisan peraturan dalam bahasa mudah.
- Menyediakan senarai semak untuk semakan kebolehbacaan.
- Mengadakan bengkel latihan penulisan untuk pegawai penggubal dasar.
- Membangunkan repositori contoh-contoh peraturan yang mesra pengguna.
- Menjalankan audit kebolehfahaman terhadap peraturan terpilih.

9.7 Cabaran dan Langkah Penyelesaian

Cabaran:

- Persepsi bahawa bahasa peraturan mesti bersifat teknikal.
- Kekangan masa untuk semakan bahasa oleh pelbagai jabatan.
- Tiada kemahiran teknikal dalam penulisan mesra pengguna.

Langkah Penyelesaian:

- Melatih lebih ramai pegawai dasar dalam teknik penulisan mudah.
- Menyediakan sumber dalaman atau vendor bagi semakan gaya bahasa.
- Mewajibkan penggunaan semakan bahasa dalam SOP penggubalan peraturan.

9.8 Kesimpulan

